

# PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA

---

## FTSE Bursa Malaysia KLCI etf

(dana didagang pada bursa yang ditubuhkan di Malaysia pada 18 Januari 2007)

---

**PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA INI BERTARIKH 2 JULAI 2019 (“PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA”) DAN HENDAKLAH DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 7 JUN 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN BERTARIKH 6 JULAI 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 DISEMBER 2014, PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA BERTARIKH 1 APRIL 2015 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BERTARIKH 10 SEPTEMBER 2015**

**Pengurus**



**AmFunds Management Berhad  
(154432-A)**

**Pemegang Amanah**



**HSBC (Malaysia) Trustee Berhad  
(1281-T)**

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah meluluskan penyenaian atau sebut harga unit-unit FTSE Bursa Malaysia KLCI etf ("Dana") pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan satu salinan Prospektus Tambahan Kelima ini telah didaftarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kelulusan, dan pendaftaran Prospektus Tambahan Kelima ini, tidak boleh diambil sebagai menunjukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan Dana atau mengambil tanggungjawab bagi ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat, pendapat yang diberikan atau laporan yang terkandung dalam Prospektus bertarikh 7 Jun 2009, Prospektus Tambahan bertarikh 6 Julai 2009, Prospektus Tambahan Kedua bertarikh 1 Disember 2014, Prospektus Tambahan Ketiga bertarikh 1 April 2015 dan Prospektus Tambahan Keempat bertarikh 10 September 2015 atau Prospektus Tambahan Kelima ini bertarikh 2 Julai 2019. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak, dalam apa-apa cara, menimbang merit-merit sekuriti yang ditawarkan untuk pelaburan.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa ketidakdedahan di pihak syarikat pengurusan yang bertanggungjawab bagi Dana dan tidak akan bertanggungjawab bagi kandungan Prospektus Tambahan Kelima ini, tidak membuat representasi berhubung dengan ketepatan atau kecukupannya, dan secara nyata menafikan sebarang liabiliti bagi apa-apa kerugian yang anda mungkin alami timbul daripada atau dalam bergantung ke atas keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan Prospektus Tambahan Kelima ini.

Kemasukan ke Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Berhad tidak boleh diambil sebagai petunjuk merit-merit penawaran, Dana atau Unit-unit Dana.

**PARA PELABUR ADALAH DINASIHATKAN UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA INI. SEKIRANYA TIMBUL KERAGUAN, SILA DAPATKAN PANDANGAN PENASIHAT PROFESIONAL.**

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN  
PROSPEKTUS BERTARIKH7 JUN 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN BERTARIKH 6 JULAI 2009,  
PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 DISEMBER 2014, PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA  
BERTARIKH 1 APRIL 2015 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BERTARIKH 10 SEPTEMBER  
2015**

**PENYATA TANGGUNGJAWAB**

Para pengarah Pengurus telah melihat dan meluluskan Prospektus Tambahan Kelima ini. Mereka secara kolektif dan individu menerima tanggungjawab penuh bagi ketepatan maklumat. Selepas membuat semua pertanyaan yang munasabah, dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, mereka mengesahkan bahawa tidak ada kenyataan palsu atau mengelirukan, atau fakta-fakta lain yang sekiranya tertinggal, akan menjadikan mana-mana kenyataan dalam Prospektus Tambahan Kelima palsu atau mengelirukan.

**PENYATAAN TAMBAHAN**

Pelabur-pelabur harus mengambil perhatian bahawa mereka mungkin boleh mendapatkan rekursa di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 bagi pelanggaran undang-undang dan peraturan sekuriti termasuk apa-apa kenyataan dalam Prospektus Tambahan Kelima yang adalah palsu, mengelirukan, atau daripada mana terdapat peninggalan material; atau bagi apa-apa tindakan yang mengelirukan atau mengabui berhubung dengan Prospektus Tambahan Kelima ini atau tindakan mana-mana orang lain berhubung dengan Dana.

**DATA PERIBADI**

Sebagai sebahagian daripada perniagaan hari ke hari, kami mengumpul maklumat peribadi anda apabila anda memohon untuk membuka akaun dengan kami, melanggan mana-mana produk atau perkhidmatan kami atau berkomunikasi dengan kami. Sebagai balasan, kami mungkin menggunakan maklumat ini untuk menyediakan anda dengan produk atau perkhidmatan kami, mengekalkan rekod kami atau menghantar maklumat yang relevan kepada anda. Kami mungkin menggunakan maklumat peribadi anda yang merangkumi maklumat mengenai apa-apa transaksi yang dilakukan dengan kami untuk satu atau lebih daripada maksud yang berikut, sama ada di Malaysia atau sebaliknya:

- a. Mengakses kelayakan atau kesesuaian anda untuk produk kami yang anda telah memohon dan untuk mengesahkan identiti atau kedudukan kewangan anda melalui cek rejukan kredit;
- b. Untuk memaklumkan anda maklumat yang lebih dan terkini seperti penambahbaikan dan ciri-ciri baru kepada produk dan perkhidmatan sedia ada, pembangunan produk, perkhidmatan dan promosi baru yang mungkin menarik bagi anda;
- c. Mengurus dan mengekalkan akaun anda melalui pengemaskinian yang kerap, penyatuan dan meningkatkan ketepatan rekod kami. Dengan cara ini kami boleh membalas pertanyaan, aduan anda dan untuk secara amnya menyelesaikan pertikaian dengan pantas supaya kami boleh meningkatkan perniagaan kami dan hubungan anda dengan kami;
- d. Menjalankan penyelidikan untuk tujuan analisis, perlombongan data dan analisis transaksi / penggunaan produk dan perkhidmatan oleh anda untuk lebih memahami kedudukan kewangan / pelaburan terkini anda serta keperluan masa hadapan. Kami juga akan menghasilkan data, laporan dan statistik dari masa ke masa, namun maklumat tersebut akan diagregat supaya identiti anda akan kekal sulit;
- e. Mematuhi keperluan mana-mana undang-undang dan peraturan yang mengikat kami seperti mengadakan pemeriksaan anti-pengubahan wang haram, pengesanan / pencegahan jenayah, pendakwaan, perlindungan dan keselamatan;
- f. Penguatkuasaan hak kami untuk mendapatkan apa-apa yang terutang kepada kami termasuk memindahkan atau menyerahhak, kepentingan dan obligasi kami di bawah mana-mana perjanjian anda dengan kami;
- g. Dalam keadaan biasa perancangan perniagaan umum, fungsi pengawasan, perumusan strategi dan membuat keputusan dalam Kumpulan AmBank;
- h. Untuk mentadbir dan membangunkan syarikat Pengurus dan / atau syarikat bersekutu Pengurus dalam hubungan perniagaan Kumpulan AmBank dengan anda;
- i. Penyumberan luar perniagaan dan operasi bilik belakang dalam Kumpulan AmBank dan / atau penyedia perkhidmatan lain; dan
- j. Apa-apa tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, piawai,

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 7 JUN 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN BERTARIKH 6 JULAI 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 DISEMBER 2014, PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA BERTARIKH 1 APRIL 2015 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BERTARIKH 10 SEPTEMBER 2015**

garis panduan dan/atau pihak berkuasa pengawal selia yang berkaitan termasuk dengan pemegang amanah dana di mana anda melabur.

Para pelabur dinasihatkan untuk membaca Notis Privasi kami yang terkini atau dikemas kini (notis diberikan seperti mana dikehendaki di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010) yang boleh didapati di laman web kami di [www.aminvest.com](http://www.aminvest.com). Notis Privasi kami boleh dipinda dari semasa ke semasa dan jika ada atau terdapat sebarang pindaan, ia akan dipaparkan di laman web kami dan/atau apa-apa cara komunikasi yang kami anggap sesuai. Walau bagaimanapun, apa-apa pindaan akan mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN  
PROSPEKTUS BERTARIKH 7 JUN 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN BERTARIKH 6 JULAI 2009,  
PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 DISEMBER 2014, PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA  
BERTARIKH 1 APRIL 2015 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BERTARIKH 10 SEPTEMBER  
2015**

Melainkan diperuntukkan di sebaliknya dalam Prospektus Tambahan Kelima ini, kesemua terma dalam huruf besar digunakan dalam Prospektus Tambahan Kelima ini akan membawa maksud yang sama sebagaimana diberikan kepadanya dalam Prospektus bertarikh 7 Jun 2009, Prospektus Tambahan bertarikh 6 Julai 2009, Prospektus Tambahan Kedua bertarikh 1 Disember 2014, Prospektus Tambahan Ketiga bertarikh 1 April 2015 dan Prospektus Tambahan Keempat bertarikh 10 September 2015 (“Prospektus”).

**NOTA KETERANGAN**

- (i) Maklumat berikut telah dikemaskini untuk mematuhi keperluan Garis Panduan Prospektus yang telah diulangkaji bagi Skim Pelaburan Kolektif:
  - maklumat mengenai Pengurus, Pemegang Amanah, pembuat pasaran, pendaftar dan jurubank utama;
  - maklumat mengenai Penanda Aras Dana;
  - maklumat mengenai konflik kepentingan;
  - maklumat mengenai “Dokumen yang disediakan untuk Pemeriksaan”; dan
  - maklumat mengenai “Saluran Khidmat Nasihat”.
- (ii) Definisi “Institusi Kewangan” telah dikemaskini untuk mematuhi keperluan Garis Panduan Exchange-traded Funds yang telah diulangkaji.
- (iii) Maklumat mengenai sekatan pelaburan telah dipinda.
- (iv) Maklumat mengenai cukai barangan dan perkhidmatan telah dipadamkan.
- (v) Saiz blok unit pembentukan dan penebusan telah meningkat.

**A. PINDAAN AM**

- (i) Kesemua rujukan kepada “Papan Utama Bursa Sekuriti”, di mana ia muncul dalam Prospektus, adalah dipinda kepada “Pasaran Utama Bursa Sekuriti”.
- (ii) Kesemua rujukan kepada “Indeks Penanda Aras”, di mana ia muncul dalam Prospektus, adalah dipinda kepada “Penanda Aras”.
- (iii) Kesemua rujukan kepada “GST” dan “undang-undang GST”, di mana mereka muncul dalam Prospektus, dengan ini dipadamkan secara keseluruhannya.

**B. DEFINISI**

**Muka surat iii - xii Prospektus**

- (i) Definisi “Institusi Kewangan” adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhannya dan digantikan dengan yang berikut:

“Institusi Kewangan	Jika –
---------------------	--------

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 7 JUN 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN BERTARIKH 6 JULAI 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 DISEMBER 2014, PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA BERTARIKH 1 APRIL 2015 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BERTARIKH 10 SEPTEMBER 2015**

- (i) institusi tersebut terletak di Malaysia, mana-mana Bank Berlesen, Bank Pelaburan Berlesen atau Bank Islam Berlesen; atau
  - (ii) institusi tersebut terletak di luar Malaysia, mana-mana institusi yang dilesenkan, didaftarkan, diluluskan atau dibenarkan oleh pengawalselia perbankan yang relevan untuk menyediakan perkhidmatan kewangan”
- (ii) Definisi “Bank Berlesen” adalah dengan ini dimasukkan di bawah bahagian ini:
- |                |   |
|----------------|---|
| “Bank Berlesen | Mempunyai makna yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013” |
|----------------|---|
- (iii) Definisi “Bank Pelaburan Berlesen” adalah dengan ini dimasukkan di bawah bahagian ini:
- |                          |   |
|--------------------------|---|
| “Bank Pelaburan Berlesen | Mempunyai makna yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013” |
|--------------------------|---|
- (iv) Definisi “Bank Islam Berlesen” adalah dengan ini dimasukkan di bawah bahagian ini:
- |                      |   |
|----------------------|---|
| “Bank Islam Berlesen | Mempunyai makna yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013” |
|----------------------|---|
- (v) Definisi “Syarat-syarat Penyenaraian” adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhannya dan digantikan dengan yang berikut:
- |                             |  |
|-----------------------------|--|
| “Syarat-syarat Penyenaraian | Syarat-Syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Sekuriti” |
|-----------------------------|--|

### C. DIREKTORI KORPORAT

#### Muka surat xv - xvii Prospektus

- (i) Maklumat mengenai Pengurus di bahagian ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhannya dan digantikan dengan yang berikut:

<b>“PENGURUS</b>	AmFunds Management Berhad (154432-A)
Pejabat Berdaftar	Tingkat 22, Bangunan AmBank Group No. 55, Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur Tel. No.: 03 – 2036 2633
Ibu Pejabat	Tingkat 9 & 10, Bangunan AmBank Group No. 55, Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur Tel. No.: 03 – 2032 2888 Fax No.: 03 – 2031 5210 E-mel: enquiries@aminvest.com Laman web: www.aminvest.com”
- (ii) Maklumat mengenai Pemegang Amanah di bahagian ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhannya dan digantikan dengan yang berikut:

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 7 JUN 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN BERTARIKH 6 JULAI 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 DISEMBER 2014, PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA BERTARIKH 1 APRIL 2015 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BERTARIKH 10 SEPTEMBER 2015**

**"PEMEGANG AMANAH** HSBC (Malaysia) Trustee Berhad (1281-T)

Pejabat Berdaftar & Pejabat Urusan Tingkat 13, Bangunan HSBC, South Tower  
No. 2 Leboh Ampang  
50100 Kuala Lumpur  
Tel. No.: 03 – 2075 7800  
Fax No.: 03 – 2179 6511

Wakil Pemegang Amanah The Hongkong And Shanghai Banking Corporation Limited (sebagai Custodian)  
6/F, Tower 1, HSBC Centre,  
1 Sham Mong Road, Hong Kong.  
Tel. No.: (852) 2288 6111"

(iii) Maklumat mengenai Pembuat Pasaran adalah dengan ini dimasukkan di bahagian ini:

**"PEMBUAT PASARAN** Maklumat mengenai Pembuat Pasaran boleh didapati dari laman web Dana di [www.fbmkciETF.com.my](http://www.fbmkciETF.com.my)"

(iv) Maklumat mengenai Pendaftar adalah dengan ini dimasukkan di bahagian ini:

**"PENDAFTAR** AmFunds Management Berhad (154432-A)  
  
Tingkat 22, Bangunan AmBank Group  
No. 55, Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur"

(v) Maklumat mengenai Jurubank Utama adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhannya.

#### **D. BAHAGIAN 1 – RINGKASAN EKSEKUTIF**

##### **Muka surat 3 Prospektus**

##### **Bahagian 1.1 Ringkasan Butiran Amanah**

Maklumat mengenai "Saiz Blok Unit Pembentukan" adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhannya dan digantikan dengan yang berikut:

Saiz Blok Unit Pembentukan / Saiz Blok Unit Penebusan	Kini, 836,000 Units	6
	Kuantiti Unit ini boleh berubah dari masa ke masa seperti yang ditentukan oleh Pengurus, selepas diluluskan oleh Pemegang Amanah dan dimaklumkan kepada Wakil Peniaga Sertaan.	

#### **E. BAHAGIAN 2 – MAKLUMAT AM ETF**

##### **Muka surat 9 - 14 Prospektus**

Maklumat mengenai maklumat am ETF adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhannya.

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN  
PROSPEKTUS BERTARIKH 7 JUN 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN BERTARIKH 6 JULAI 2009,  
PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 DISEMBER 2014, PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA  
BERTARIKH 1 APRIL 2015 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BERTARIKH 10 SEPTEMBER  
2015**

**F. BAHAGIAN 3 - THE FBM KLCI etf**

**Muka surat 20 - 25 Prospektus**

**(i) Bahagian 3.8 Korelasi dan Pengimbangan Semula**

Perenggan terakhir bahagian ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhannya dan digantikan dengan yang berikut:

**“Tiada jaminan ke atas replikasi yang tepat atau serupa pada bila-bila masa sewaktu indeks berprestasi.”**

**(ii) Bahagian 3.9 Perihal Penanda Aras**

Bahagian ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhannya dan digantikan dengan yang berikut::

“Penanda Aras, iaitu FTSE Bursa Malaysia KLCI, pada masa ini disediakan oleh Pemberi Lesen Indeks melalui Perjanjian Lesen bertarikh 11 Disember 2006 dan 6 Julai 2009 yang dimeterai antara Pemberi Lesen Indeks dan Pengurus.

Bursa Malaysia Berhad dan Kumpulan FTSE telah membuat penambahbaikan kepada Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) pada 6 Julai 2009 dengan mengguna pakai piawaian indeks global FTSE dan dikenali sebagai FTSE Bursa Malaysia KLCI. Indeks ini telah diguna pakai pada 6 Julai 2009 dengan nilai pembukaan diambil daripada nilai penutup KLCI lama pada 3 Julai 2009.

Pemberi Lesen Indeks bukanlah perbadanan berkaitan Pengurus.

FTSE Bursa Malaysia KLCI bertarikh asas 1 Januari 1977 dengan nilai asas 100.

FTSE Bursa Malaysia KLCI mewakili 30 syarikat terbesar yang tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia berdasarkan permodalan pasaran boleh labur. Ia adalah terlaras apungan bebas dan disaring kecairan untuk memberi pelabur indeks yang sangat boleh labur dan boleh dagang yang menjadi ciri-ciri pasaran pendasar. Indeks ini akan dikira oleh FTSE menurut peraturan-peraturan yang telus dan tersedia untuk umum dan dipantau oleh jawatankuasa yang terdiri daripada pengamal-pengamal bebas pasaran yang akan mengkaji semula indeks ini dua kali setahun pada bulan Jun dan Disember.

Pada 31 May 2019, sepuluh jujuk utama Penanda Aras dan wajarannya adalah seperti berikut:-

<b>Kod Saham</b>	<b>Nama Saham</b>	<b>Wajaran</b>
1295	Public Bank Bhd	14.05%
1155	Malayan Banking Berhad	10.18%
5347	Tenaga Nasional Bhd	9.70%
1023	CIMB Group Holdings Berhad	6.86%
5183	PETRONAS Chemicals Group Bhd	4.55%
6888	Axiata Group Bhd	4.15%
6947	Digi.com	3.52%
5285	Sime Darby Plantation	3.21%
5225	IHH Healthcare Berhad	3.16%
7277	Dialog Group	2.93%
<b>Total</b>		<b>62.30%</b>

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 7 JUN 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN BERTARIKH 6 JULAI 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 DISEMBER 2014, PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA BERTARIKH 1 APRIL 2015 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BERTARIKH 10 SEPTEMBER 2015**

Source: [www.ftserussell.com](http://www.ftserussell.com)

**Komposisi Penanda Aras boleh berubah dan sekuriti boleh dinyahsenaraikan.**

**Terdapat kekurangan budi bicara bagi Dana ini untuk menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran disebabkan sifat pelaburan yang ada pada dana-dana dagangan bursa dan bahawa kejatuhan dalam Penanda Aras dijangka akan mengakibatkan kejatuhan yang sama dalam nilai Dana ini.**

Sepertimana yang diperuntukkan dalam Surat Ikatan, jika Perjanjian Lesen ditamatkan atas apa-apa sebab, maka indeks silih ganti atau indeks pengganti, sepertimana yang boleh dipilih oleh Pengurus dengan kelulusan Pemegang Amanah, akan digunakan sebagai Penanda Aras. Selanjutnya, sekiranya FTSE Bursa Malaysia KLCI tidak lagi ada, Pengurus hendaklah dengan segera cuba mendapatkan indeks alternatif (jika perlu, disesuaikan oleh Pemberi Lesen Indeks atau Pengurus) yang, pada pendapat Pengurus, sangat serupa dengan Penanda Aras dan akan menguruskan portfolio Dana ini menggunakan indeks ini dengan mengambil kira kepentingan Pemegang Unit. Penggunaan indeks alternatif ini akan tertakluk kepada kelulusan terlebih dahulu daripada Pemegang Amanah dan SC.

Maklumat Selanjut Penanda Aras

Maklumat dan berita-berita penting mengenai Penanda Aras boleh diperoleh daripada [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com) (untuk peraturan asas dan kaedah indeks) dan laman web Dana ini di [www.fbmklcietf.com.my](http://www.fbmklcietf.com.my).

**Penanda Aras boleh digantikan sekiranya Penanda Aras tidak lagi ada.”**

**(iii) Bahagian 3.10 Skop Pelaburan dan Sekatan**

***Sekatan Pelaburan***

Perkara (vi) sekatan pelaburan adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhannya.

**G. BAHAGIAN 6 - UNITS FBM KLCI etf**

**Muka surat 39 Prospektus**

**Bahagian 6.2 Prosedur untuk Pembentukan “*In-Kind*” dan Penebusan “*In-Kind*”**

**6.2.1 Pembentukan - (i) Prosedur untuk Pembentukan dalam Saiz Blok Unit Pembentukan**

Perenggan ketiga adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhannya dan digantikan dengan yang berikut:

“Saiz semasa satu (1) Blok Unit Pembentukan ialah 836,000 Unit.”



**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 7 JUN 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN BERTARIKH 6 JULAI 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 DISEMBER 2014, PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA BERTARIKH 1 APRIL 2015 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BERTARIKH 10 SEPTEMBER 2015**

**H. BAHAGIAN 6 - UNITS FBM KLCI etf**

**Muka surat 42 Prospektus**

**Bahagian 6.2 Prosedur untuk Pembentukan “In-Kind” dan Penebusan “In-Kind”**

**6.2.2 Penebusan - (i) Prosedur untuk Penebusan dalam Saiz Blok Unit Penebusan**

Perenggan kedua adalah dengan ini dipotong kesemuanya dan digantikan dengan yang berikut:

“Pengurus hendaklah, pada setiap Hari Urus Niaga, menentukan Bakul Penebusan “In-Kind” bagi Hari Urus Niaga itu dan hendaklah menyiarkan maklumat tersebut sebelum pembukaan pasaran. Pengurus boleh menentukan lebih daripada satu Bakul Penebusan “In-Kind” bagi sesuatu Hari Urus Niaga, tertakluk kepada terma dan syarat tambahan sepertimana yang Pengurus mungkin tentukan. Saiz semasa satu (1) Blok Unit Penebusan ialah 836,000 Unit.”

**I. BAHAGIAN 6 - UNIT-UNIT FBM KLCI etf**

**Muka surat 47 Prospektus**

**Bahagian 6.6 Dagangan Unit-unit**

Maklumat berikut adalah dengan ini dimasukkan selepas perenggan keempat seksyen ini:

“Pelabur boleh membuka Akaun CDS dengan menghubungi mana-mana peserta dagangan. Senarai peserta dagangan boleh didapati di laman web Bursa Sekuriti di <http://www.bursamalaysia.com/market/securities/equities/brokers/list-of-participating-organisations>.”

**J. BAHAGIAN 7 – MAKLUMAT PRESTASI**

**Muka surat 49 Prospektus**

Maklumat mengenai maklumat prestasi adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhannya.

**K. BAHAGIAN 8 – MENGENAI PENGURUS**

**Muka surat 50 - 55 Prospektus**

Bahagian ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhannya dan digantikan dengan yang berikut:

**“8.1 Maklumat Korporat**

AmFunds Management Berhad (154432-A) (“**AFM**”) telah diperbadankan pada 9 Julai 1986 dan dimiliki sepenuhnya oleh AmInvestment Bank Berhad berkuat kuasa 21 Julai 2016. Pada 27 Mei 2019, AFM mempunyai pengalaman lebih tiga puluh (30) tahun dalam industri unit amanah.

Berkuat kuasa 1 Disember 2014, AFM merupakan pemegang Lesen Pasaran Modal dan Perkhidmatan untuk aktiviti terkawal dalam pengurusan dana, urus niaga dalam sekuriti yang terbatas kepada unit amanah dan urus niaga dalam skim persaraan swasta yang diterbitkan di bawah Akta ini.

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN  
PROSPEKTUS BERTARIKH 7 JUN 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN BERTARIKH 6 JULAI 2009,  
PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 DISEMBER 2014, PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA  
BERTARIKH 1 APRIL 2015 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BERTARIKH 10 SEPTEMBER  
2015**

## **8.2 Tugas dan Tanggungjawab**

Pengurus bertanggungjawab menetapkan dasar-dasar pelaburan bagi Dana ini dan melaksanakan strategi bagi memenuhi objektif Dana. Pengurus juga bertanggungjawab menguruskan portfolio Dana, menerbitkan Unit serta menyediakan dan menerbitkan Prospektus.

## **8.3 Pengarah dan Kakitangan Penting**

Lembaga Pengarah ("**Lembaga**"), yang satu pertiga (1/3) daripadanya adalah ahli bebas, mengenakan kawalan mutlak ke atas operasi syarikat. Lembaga bertindak untuk memastikan risiko pelaburan dan risiko operasi dipantau dan diuruskan. Ia juga memastikan operasi syarikat mematuhi peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh kerajaan dan pihak berkuasa kawal selia.

### **Ahli Lembaga Pengarah: -**

- **Jeyaratnam A/L Tamotharam Pillai (Pengerusi, Bebas)**, berusia 64 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah AmFunds Management Berhad pada 1 April 2019 sebagai Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif. Beliau kini merupakan Pengerusi AmInvestment Bank Berhad. Dengan pengalaman lebih 30 tahun dalam industri perkhidmatan kewangan dan perbankan pelaburan, Jeyaratnam merupakan seorang jurubank berpengalaman yang telah terlibat dalam pelbagai tugas yang termasuk penyenaian syarikat, penggabungan dan pemerolehan, pengambilalihan, penyusunan semula korporat dan usaha pengumpulan dana. Jeyaratnam telah menjalankan usaha penswastaan pertama Malaysia dan mengambil bahagian dalam pelbagai kajian kemungkinan dan urus niaga rentas sempadan di India, Ghana dan United Kingdom. Bidang kepakaran dan pengalaman Jeyaratnam juga termasuk pengasalan urus janji, menentukan struktur korporat dan pendanaan, menilai dan merundingkan urus janji, penyempurnaan dan pelaksanaan urus janji. Beliau telah bekerjasama rapat dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti klien korporat, pelabur, bank, agensi kerajaan, Bursa Malaysia Berhad (Bursa), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Bank Negara Malaysia (BNM). Sepanjang kerjayanya, Jeyaratnam telah berkhidmat sebagai Ketua Eksekutif/Timbangan Ketua Eksekutif di empat bank pelaburan dalam tempoh 12 tahun. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Kecil Bursa dan Majlis Penasihat Pasaran Modal SC. Jeyaratnam telah dilantik oleh Menteri Kewangan sebagai salah seorang daripada ahli pasukan yang terdiri daripada enam orang yang bertanggungjawab merumuskan Pelan Induk Pasaran Modal Malaysia. Beliau mengawasi Perbankan Pelaburan, Pembrokeran Saham, Pengurusan Dana dan Aktiviti Modal Usaha Niaga semasa beliau berkhidmat dengan Maybank sebagai Ketua Bahagian Perbankan Pelaburan. Dahulunya beliau merupakan Pengarah Westcomb Financial Group Limited Singapore, Kuwait Finance House (Australia) Ptd Ltd, KFH Asset Management Sdn Bhd, Kuwait Finance House (Labuan) Berhad dan Avenue Capital Resource Berhad. Jeyaratnam adalah ahli Institute of Chartered Accountants di England dan Wales dan ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau memegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (Lesen Penasihat CMSRL) dan merupakan Personel Kanan Berkelayakan (QSP) yang diluluskan oleh SC.
- **Mustafa Bin Mohd Nor (Bebas)**, berusia 68, telah dilantik ke Lembaga Pengarah AFM sebagai pengarah bebas dan bukan eksekutif pada 3 Mac 2014. Beliau juga adalah pengarah KUISAS Berhad dan ahli jawatankuasa pelaburan negeri, Perak Darul Ridzuan. Beliau memiliki pengalaman yang luas dan terpelbagai lebih kurang empat puluh (40) tahun dalam ekonomi, nasihat pelaburan, pembrokeran saham, unit amanah, pengurusan aset dan dana. Beliau memperoleh ijazah Masters of Arts (Economic Policy) dari Boston University dan Bachelor of Economics (Analytical) dari Universiti Malaya.
- **Tai Terk Lin (Bebas)**, berusia 59, telah dilantik ke Lembaga Pengarah AFM sebagai pengarah bebas dan bukan eksekutif pada 15 Disember 2014. Beliau mempunyai pengalaman lebih tiga puluh (30) tahun dalam pengurusan dana dan industri perbankan di samping menerajui banyak

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 7 JUN 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN BERTARIKH 6 JULAI 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 DISEMBER 2014, PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA BERTARIKH 1 APRIL 2015 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BERTARIKH 10 SEPTEMBER 2015**

projek inisiatif pengurusan dalam unit amanah, perbankan perdagangan dan persendirian serta pengurusan kekayaan. Beliau dahulunya merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ICB Financial Group Holdings AG, iaitu syarikat pemegang ICB Banking Group, dan Pesuruhjaya PT Bank ICB Bumiputera. Sebelum itu, beliau merupakan pengarah eksekutif Platinum Capital Management (Asia) dan Naib Presiden Kanan DBS Bank di Singapura. Beliau memegang ijazah Master of Business Administration (MBA) dari Cranfield University, United Kingdom. Beliau memiliki ijazah Bachelor of Science with Education (B.Sc.Ed (Hons)) dari Universiti Malaya dan memiliki kelayakan Perancang Kewangan Bertauliah (CFP) dan IBF Advance (IBFA) dari Institut Perbankan dan Kewangan Singapura.

- **Sum Leng Kuang (Bebas)**, berusia 65, telah dilantik ke Lembaga Pengarah AFM sebagai pengarah bebas dan bukan eksekutif pada 18 Januari 2016. Beliau memiliki pengalaman yang luas dalam pengurusan pelaburan lebih daripada tiga (3) dekad, terutamanya dalam mengurus portfolio pelaburan pendapatan tetap, penilaian kredit dan pengurusan risiko kredit. Beliau telah berkhidmat selama tiga puluh satu (31) tahun dengan Kumpulan Great Eastern sehingga tahun 2013. Sebagai Ketua Pelaburan Pendapatan Tetap di Great Eastern Life Assurance (M) Berhad, beliau bertanggungjawab terhadap pengurusan kira-kira RM40.0 bilion dalam dana-dana pendapatan tetap. Beliau juga terlibat secara aktif dalam pembangunan pasaran pendapatan tetap tempatan melalui penyertaan aktif dalam dialog industri dan perundingan terus dengan para penerbit, pelabur, agensi penarafan, badan kawal selia dan agensi persekutuan. Beliau kini merupakan Pengarah Pacific & Orient Insurance Co. Berhad dan juga telah dilantik sebagai Penasihat Pelaburan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad. Beliau adalah lulusan University of Canterbury, New Zealand dengan ijazah Bachelor of Commerce, dengan pengkhususan dalam jurusan Kewangan. Beliau juga merupakan Perancang Kewangan Bertauliah.
- **Seohan Soo (Bukan Bebas)**, berusia 53, telah dilantik ke Lembaga Pengarah AmFunds Management Berhad sebagai pengarah bukan bebas dan bukan eksekutif pada 1 Ogos 2018. Beliau adalah Ketua Pegawai Eksekutif (“CEO”) AmInvestment Bank Berhad (“Bank”) dan mengetuai pasukan yang terdiri daripada jenis perniagaan strategik dalam Kumpulan AmBank yang bertanggungjawab terhadap objektif dan strategi perniagaan keseluruhan dan sasaran prestasi bagi Bank itu. Seohan menyertai Kumpulan AmBank sebagai Pengarah / Ketua, Pasaran Modal Hutang pada tahun 2003 dan sebelum menjawat jawatan sebagai CEO Bank itu, beliau merupakan Naib Presiden Eksekutif, Kumpulan Pasaran Modal (“CMG”). Seohan mempunyai pengalaman lebih dua puluh tiga (23) tahun dalam perbankan pelaburan di bank pelaburan tempatan dan juga asing dan telah memainkan peranan penting dalam membina kedudukan Bank ini sebagai peneraju dalam pendapatan tetap yang meliputi pengasalan, penstrukturan dan pengagihan hutang. Di bawah kepimpinannya, CMG berada di barisan hadapan inovasi dalam pasaran bon/sukuk dan Bank ini sentiasa menduduki tempat ke-3 teratas dalam perniagaan pendapatan tetap. Seohan memperoleh ijazah Bachelor of Laws dari University of Warwick dan ijazah Master of Laws dari University of Cambridge dan juga merupakan Barrister-at-Laws yang berkelayakan di Lincoln’s Inn, London serta Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya.
- **Goh Wee Peng (Bukan Bebas)**, berusia 45, adalah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) AmInvest, iaitu jenama bagi perniagaan pengurusan dana AFM dan AmIslamic Funds Management Sdn Bhd. Kedua-dua syarikat ini merupakan anak syarikat milik penuh AmInvestment Bank Berhad. Beliau bertanggungjawab untuk strategi perniagaan dan pengurusan AmInvest. Cik Goh mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam industri kewangan, lebih 16 tahun pengalaman adalah dalam pengurusan dana. Sebelum beliau dilantik sebagai CEO pada Ogos 2018, beliau telah memegang pelbagai jawatan pengurusan kanan dalam AFM yang termasuk Pemangku CEO, Timbalan CEO dan Ketua Pegawai Pelaburan Pendapatan Tetap. Kepakaran dan pengalaman beliau dalam bidang kewangan meliputi pembrokeran wang, dagangan bon dan pengurusan dana. Beliau memulakan kerjaya sebagai broker pasaran wang, kemudian wakil peniaga pendapatan tetap sebelum menyertai AFM sebagai juruanalisis kredit pada tahun

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 7 JUN 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN BERTARIKH 6 JULAI 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 DISEMBER 2014, PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA BERTARIKH 1 APRIL 2015 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BERTARIKH 10 SEPTEMBER 2015**

2002. Cik Goh memegang ijazah Bachelor of Business (Economics and Finance) dari RMIT University, Melbourne, Australia. Beliau memegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal, Lesen Persatuan Forex, Lesen Wakil Peniaga dan ahli Persekutuan Pengurus-pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) dan Persatuan Pengurus-pengurus Aset Malaysia (MAAM).

**Ahli Kakitangan Penting: -**

▪ **Goh Wee Peng – Ketua Pengawai Eksekutif (CEO)**

(Sila merujuk ke atas)

▪ **Fu Yew Sun - Ketua Pegawai Pelaburan (CIO)**

Selaku Ketua Pegawai Pelaburan, Encik Fu, berusia 45, mengawasi pelaburan dalam semua kelas aset di AFM dan bertanggungjawab terhadap strategi pelaburan keseluruhan dan penempatan portfolio dana. Beliau dahulunya merupakan Ketua Pengurusan Portfolio dan Perdagangan di syarikat pemegangkan milik sebuah konglomerat tempatan terkemuka, yang bertanggungjawab mengawasi pelaburan dalam pelbagai kelas aset secara global. Sebelum itu, beliau mengetuai perniagaan perdagangan bahagian Pasaran Global Kumpulan AmBank dan merupakan salah seorang ahli pasukan pengurusan kanan perniagaan pasaran modal Kumpulan AmBank. Beliau adalah pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal dan pemegang carter Penganalisis Kewangan Berkanun (CFA). Beliau memegang lesen peniaga antara bank (lulus ujian sijil PPKM dengan cemerlang) dan telah memperoleh BSc. Kejuruteraan Mekanikal dari University of Southern California (USC).

**Pengurus dana dilantik ABF**

Wong Yew Joe, berusia 44 tahun, adalah Naib Presiden Kanan, Pendapatan Tetap, AmFunds Management Berhad (AFM). Beliau menyertai AmInvest sejak Julai 2014 dan mempunyai pengalaman lebih 20 tahun dalam industri ini. Fungsi beliau pada masa ini ialah mengawasi dan menguruskan mandat pendapatan tetap dalam AFM. Kerjaya pengurusan dananya menjangkau pelbagai syarikat pengurusan aset dengan pelbagai peranan dalam Pembangunan Perniagaan, penyelidikan kredit dan pengurusan dana. Beliau telah menerima anugerah dana untuk dana-dana di bawah pengurusannya. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam mengurus dan mengawasi portfolio pendapatan tetap dalam pelbagai mandat yang meliputi dana institusi, dana korporat, insurans, agensi kerajaan, dana mutual dan lain-lain. Beliau memiliki ijazah Bachelor of Commerce (Accounting and Finance) dari University of Southern Queensland, Australia. Beliau juga memegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal untuk aktiviti terkawal pengurusan dana.

**8.4 Jawatankuasa Pelaburan**

Ahli Jawatankuasa Pelaburan bermesyuarat sekurang-kurangnya lima (5) kali setahun untuk memastikan pengurusan pelaburan Dana ini selaras dengan:-

- (a) Objektif pelaburan Dana ini;
- (b) Surat Ikatan;
- (c) Garis Panduan ETF dan undang-undang lain yang terpakai;
- (d) batasan dan dasar pelaburan dalaman; dan
- (e) amalan pengurusan pelaburan yang boleh diterima dan berkesan dalam industri ini.

Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan antara keputusan, arahan, kehendak dan/atau perintah Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Penyeliaan berkaitan dengan pengurusan pelaburan Dana, maka keputusan, arahan, kehendak dan/atau perintah Jawatankuasa Pelaburan akan diterima pakai asalkan keputusan, arahan, kehendak dan/atau perintah itu dibuat menurut peranan, kuasa dan tugas yang ditetapkan dalam Garis Panduan ETF dan/atau undang-undang lain yang terpakai.

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN  
PROSPEKTUS BERTARIKH 7 JUN 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN BERTARIKH 6 JULAI 2009,  
PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 DISEMBER 2014, PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA  
BERTARIKH 1 APRIL 2015 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BERTARIKH 10 SEPTEMBER  
2015**

Jawatankuasa pelaburan terdiri daripada ahli-ahli berikut:-

- Sum Leng Kuang (Bebas)
- Mustafa Bin Mohd Nor (Bukan Bebas)
- Tai Terk Lin (Bebas)
- Zainal Abidin Mohd. Kassim (Bebas)
- Goh Wee Peng (Bukan Bebas)

Profil jawatankuasa pelaburan Dana ini adalah seperti berikut:

- **Sum Leng Kuang (Pengerusi)**

(Sila merujuk ke atas)

- **Datuk Mustafa Bin Mohd Nor**

(Sila merujuk ke atas)

- **Tai Terk Lin**

(Sila merujuk ke atas)

- **Zainal Abidin Mohd. Kassim**

Zainal Abidin Mohd. Kassim adalah *Fellow* Institute of Actuaries di UK sejak 1986, *Fellow* Persatuan Aktuari Malaysia, *Fellow* Persatuan Aktuari Singapura dan Ahli Bersekutu Society of Actuaries, USA. Beliau merupakan Aktuari Perunding dan Rakan Kongsi Kanan dengan pengalaman lebih 30 tahun dalam perundingan berserta pengalaman yang luas dalam insurans konvensional dan Takaful untuk insurans hayat dan kasualiti. Beliau juga mempunyai pengalaman dalam pelbagai tugas mengenai perundingan pelaburan bagi dana pencen dan kumpulan wang simpanan serta liabiliti pencen dan faedah pencen. Encik Zainal Abidin Mohd. Kassim memegang ijazah Bachelor of Science (First Class Honours) dalam Sains Aktuari dari City University London.

- **Goh Wee Peng**

(Sila merujuk ke atas)

## **8.5 Litigasi Material**

Pada 27 Mei 2019, Pengurus tidak terlibat dalam apa-apa litigasi material dan timbang tara, termasuk yang belum selesai atau diancam untuk diambil ke atasnya, dan tiada fakta yang kemungkinan menimbulkan apa-apa prosiding yang mungkin memberi kesan yang besar kepada perniagaan atau kedudukan kewangan Pengurus.

## **8.6 Program Pengenalan Diri Pelanggan**

Selaras dengan undang-undang yang berkaitan di Malaysia mengenai pencegahan pengubahan wang haram, kami berkewajipan untuk menghalang penggunaan Dana ini bagi tujuan pengubahan wang haram. Oleh yang demikian, prosedur bagi pengenalan diri pelabur telah dikenakan. Berkaitan dengan mana-mana Permohonan Pembentukan, Pengurus memerlukan pemohon memberikan nama, tarikh lahir, nombor kad pengenalan, alamat kediaman dan perniagaan mereka (dan alamat surat-menyurat jika berbeza), nama pemilik benefisial, tarikh lahir benefisiari atau pengenalan diri rasmi yang lain semasa pemohon membuka atau membuka semula akaun.

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 7 JUN 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN BERTARIKH 6 JULAI 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 DISEMBER 2014, PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA BERTARIKH 1 APRIL 2015 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BERTARIKH 10 SEPTEMBER 2015**

Makluma tambahan mungkin diperlukan oleh pihak berkuasa kawal selia dalam situasi tertentu. Pemohon tanpa maklumat tersebut tidak akan diterima dan amaun permohonan akan dikembalikan kepada pemohon. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, Pengurus berhak meletakkan had ke atas urus niaga di dalam akaun pemohon sehingga identiti mereka disahkan.

Sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran kepada undang-undang yang terpakai, kami berkewajipan untuk memberitahu mengenai pelanggaran tersebut kepada pihak berkuasa yang berkaitan.

#### **8.7 Unit Induk Langsung dan Tidak Langsung dalam Dana**

Pada 28 Jun 2019, para pengarah atau kakitangan penting Pengurus tidak memegang Unit, secara langsung atau tidak langsung, dalam Dana.

Pada 28 Jun 2019, pemegang saham utama Pengurusnya ialah AmlInvestment Bank Berhad mempunyai unit langsung sebanyak 81,560 Unit dalam Dana..

**Untuk maklumat lanjut mengenai Pengurus dan/atau wakilnya dan apa-apa perubahan kemudiannya kepada maklumat tersebut, anda boleh mendapatkan buktir-butirnya daripada laman web kami di [www.aminvest.com](http://www.aminvest.com) atau laman web Dana ini di [www.abfmy1.com.my](http://www.abfmy1.com.my)**

## **L. BAHAGIAN 10 – MENGENAI PEMEGANG AMANAH**

### **Muka surat 61 - 65 Prospektus**

This section is hereby deleted in its entirety and replaced with the following:

Bahagian ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhannya dan digantikan dengan yang berikut:

#### **“10.1 Maklumat Korporat**

Pemegang Amanah ialah HSBC (Malaysia) Trustee Berhad (No. Syarikat 1281-T), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia sejak tahun 1937 dan didaftarkan sebagai syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah, 1949, dengan alamat berdaftar di 13th Floor, Bangunan HSBC, South Tower, No. 2, Leboh Ampang, 50100 Kuala Lumpur.

#### **10.2 Tugas dan Tanggungjawab**

Fungsi utama Pemegang Amanah ialah untuk bertindak sebagai pemegang amanah dan penjaga aset Dana ini serta melindungi kepentingan Pemegang Unit Dana ini. Dalam melaksanakan fungsi-fungsi ini, Pemegang Amanah perlulah menggunakan segala ketelitian, ketekunan dan kewaspadaan sewajarnya dan dikehendaki bertindak menurut peruntukan-peruntukan Surat Ikatan, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti mengenai Exchange-traded Funds (“**Garis Panduan**”). Selain menjadi pemilik sah aset-aset Dana ini, Pemegang Amanah juga bertanggungjawab memastikan Pengurus melaksanakan tugas dan kewajibannya menurut peruntukan-peruntukan Surat Ikatan, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 dan Garis Panduan. Berkenaan dengan Sekuriti Pembentukan dan Komponen Terbitan Tunai (jika ada) yang dihantar oleh Wakil Peniaga Sertaan untuk permohonan Unit, tanggungjawab Pemegang Amanah timbul apabila Sekuriti Pembentukan dan Komponen Terbitan Tunai (jika ada) diterima di dalam akaun Pemegang Amanah yang berkaitan bagi Dana ini dan berkenaan dengan penebusan, tanggungjawab Pemegang Amanah terlaksana sebaik sahaja ia memindahkan Sekuriti Penebusan dan Komponen Penebusan Tunai (jika ada) menurut Perjanjian Wakil Peniaga Sertaan.

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 7 JUN 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN BERTARIKH 6 JULAI 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 DISEMBER 2014, PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA BERTARIKH 1 APRIL 2015 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BERTARIKH 10 SEPTEMBER 2015**

### **10.3 Pengalaman**

Sejak tahun 1993, Pemegang Amanah telah berpengalaman dalam pentadbiran amanah dan telah dilantik sebagai pemegang amanah untuk dana unit amanah, dana dagangan bursa, dana borong dan dana di bawah skim persaraan swasta.

### **10.4 Wakil Pemegang Amanah**

Pemegang Amanah telah melantik Hongkong and Shanghai Banking Corporation Ltd sebagai penjaga aset tempatan dan juga aset asing Dana ini. Hongkong and Shanghai Banking Corporation Ltd merupakan anak syarikat milik penuh HSBC Holdings Plc, iaitu syarikat pemegang Kumpulan HSBC. Khidmat penjagaan dan penjelasan yang komprehensif yang disediakan oleh penjaga meliputi pemrosesan penyelesaian tradisional dan penyimpanan selamat serta perkhidmatan berkaitan korporat termasuk pelaporan tunai dan sekuriti, kutipan pendapatan dan pemrosesan acara korporat. Semua pelaburan didaftarkan atas nama Pemegang Amanah atau atas perintah Pemegang Amanah. Penjaga hanya bertindak mengikut arahan Pemegang Amanah.

Pemegang Amanah bertanggungjawab terhadap perbuatan dan peninggalan (*omission*) wakilnya seolah-olah ia adalah tindakan dan peninggalannya sendiri.

Walau bagaimanapun, Pemegang Amanah tidaklah bertanggungjawab terhadap perbuatan, peninggalan atau kegagalan depositori pihak ketiga seperti depositori sekuriti pusat, atau sistem penjelasan dan/atau penyelesaian dan/atau institusi depositori yang diberi kuasa, di mana undang-undang atau peraturan bidang kuasa yang berkaitan menghendaki Pemegang Amanah berurusan atau memegang apa-apa aset Dana ini melalui pihak ketiga tersebut.

#### Butir-butir Wakil Pemegang Amanah

The Hongkong And Shanghai Banking Corporation Limited  
6/F, Tower 1,  
HSBC Centre,  
1 Sham Mong Road, Hong Kong.  
No. Telefon: (852)2288 6111

### **10.5 Litigasi Material**

Pada 27 Mei 2019, Pemegang Amanah tidak terlibat dalam apa-apa litigasi material dan timbang tara, termasuk yang belum selesai atau diancam untuk diambil ke atasnya, dan tidak mengetahui tentang sebarang fakta yang kemungkinan menimbulkan apa-apa prosiding yang mungkin memberi kesan yang besar kepada perniagaan/kedudukan kewangan Pemegang Amanah dan mana-mana wakilnya.

### **10.6 Pernyataan Tanggungjawab Pemegang Amanah**

Pemegang Amanah telah memberikan persetujuannya untuk memegang jawatan sebagai Pemegang Amanah Dana ini dan memikul semua kewajipannya menurut Surat Ikatan, semua undang-undang dan kedaulatan undang-undang yang berkaitan. Pemegang Amanah berhak ditanggung rugi oleh Dana ini bagi semua kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pemegang Amanah dalam melaksanakan mana-mana kewajipannya atau menggunakan mana-mana kuasanya di bawah Surat Ikatan ini berkaitan dengan Dana ini. Hak kepada tanggung rugi ini tidak merangkumi kerugian yang disebabkan oleh pecah amanah, keingkaran sengaja, kecuaiian atau kegagalan mempamerkan tahap ketelitian dan ketekunan yang dikehendaki diamalkan oleh Pemegang Amanah selaras dengan peruntukan-peruntukan Surat Ikatan.

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 7 JUN 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN BERTARIKH 6 JULAI 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 DISEMBER 2014, PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA BERTARIKH 1 APRIL 2015 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BERTARIKH 10 SEPTEMBER 2015**

**10.7 Peruntukan Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan**

Pemegang Amanah telah menetapkan dasar dan prosedur dalam Kumpulan HSBC yang mungkin melebihi peraturan-peraturan tempatan. Tertakluk kepada mana-mana peraturan tempatan, Pemegang Amanah tidaklah bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian akibat daripada pematuhan dasar tersebut, kecuali dalam hal kecuaihan, keingkaran sengaja atau penipuan Pemegang Amanah.

**10.8 Penyataan Penafian**

Pemegang Amanah tidaklah bertanggungjawab untuk melakukan atau terhadap kegagalan melakukan apa-apa perbuatan bagi tujuan mematuhi undang-undang, peraturan atau perintah mahkamah.

**10.9 Keizinan Pendedahan**

Pemegang Amanah berhak memproses, memindah, memberi dan mendedahkan dari semasa ke semasa apa-apa maklumat yang berkaitan dengan Dana ini, Pengurus dan Pemegang Unit bagi tujuan melaksanakan tugas dan kewajibannya menurut Surat Ikatan, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, Garis Panduan dan mana-mana kewajipan undang-undang dan/atau kawal selia yang lain seperti mengendalikan pengurusan risiko jenayah kewangan, kepada syarikat induk, anak syarikat, syarikat sekutu, syarikat gabungan, wakil, penyedia perkhidmatan, ejen Pemegang Amanah dan mana-mana pihak berkuasa pentadbir atau kawal selia, sama ada di dalam atau di luar Malaysia (yang kemudiannya juga mungkin memproses, memindah, memberi dan mendedahkan maklumat tersebut untuk mana-mana tujuan yang tersebut di atas) atas dasar bahawa penerima hendaklah terus memelihara kerahsiaan maklumat yang didedahkan tersebut, sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang, peraturan atau arahan, atau berkaitan dengan mana-mana tindakan undang-undang, atau kepada mana-mana mahkamah, agensi kawal selia, badan kerajaan atau pihak berkuasa.

**10.10 Urus Niaga Pihak Berkaitan/Konflik Kepentingan**

Selaku Pemegang Amanah bagi Dana ini, mungkin terdapat urus niaga pihak ketiga yang melibatkan atau berhubungan dengan Dana ini dalam perkara berikut:-

- 1) Di mana Dana ini melabur dalam instrumen yang ditawarkan oleh pihak berkaitan Pemegang Amanah (contohnya, penempatan wang dan sebagainya);
- 2) Di mana Dana ini diedarkan oleh pihak berkaitan Pemegang Amanah sebagai Penasihat Unit Amanah Institusi (IUTA);
- 3) Di mana aset Dana ini dijaga oleh pihak berkaitan Pemegang Amanah sebagai subpenjaga dan juga/atau penjaga global Dana ini (wakil Pemegang Amanah); dan
- 4) Di mana Dana ini mendapat pembiayaan, sepertimana yang dibenarkan di bawah Garis Panduan, daripada pihak berkaitan Pemegang Amanah.

Pemegang Amanah telah menetapkan dasar dan prosedur bagi menangani konflik kepentingan, jika ada. Pemegang Amanah tidak akan menyalahgunakan kedudukannya sebagai pemilik aset Dana ini bagi mendapatkan, secara langsung atau tidak langsung, sebarang kelebihan atau menyebabkan kepentingan Pemegang Unit terjejas. Sebarang urus niaga pihak ketiga hendaklah dibuat mengikut terma-terma terbaik yang boleh didapati oleh Dana ini dan yang tidak kurang menguntungkan kepada Dana ini daripada urus niaga tulus antara pihak-pihak bebas.



**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 7 JUN 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN BERTARIKH 6 JULAI 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 DISEMBER 2014, PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA BERTARIKH 1 APRIL 2015 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BERTARIKH 10 SEPTEMBER 2015**

Tertakluk kepada yang di atas dan mana-mana peraturan tempatan, Pemegang Amanah dan/atau kumpulan syarikat berkaitannya boleh berurusan antara satu sama lain, dengan Dana ini atau mana-mana Pemegang Unit atau mengikat apa-apa kontrak atau melakukan urusan niaga antara satu sama lain, dengan Dana ini atau mana-mana Pemegang Unit atau menyimpan untuk faedahnya sendiri apa-apa keuntungan atau manfaat yang diperoleh daripada mana-mana kontrak atau urusan niaga tersebut atau bertindak dalam kapasiti yang sama atau serupa berkaitan dengan mana-mana skim lain.”

## **M. BAHAGIAN 13 – KONFLIK KEPENTINGAN**

### **Muka surat 73 - 74 Prospektus**

Bahagian ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhannya dan digantikan dengan yang berikut::

#### **“13.1 Urus Niaga Pihak Berkaitan yang Sedia Ada dan yang Berpotensi**

##### **13.1.1 Pengurus**

Semua urusan niaga dengan pihak berkaitan hendaklah dibuat mengikut terma-terma terbaik yang boleh didapati oleh Dana ini dan yang tidak kurang menguntungkan kepada Dana ini daripada urusan niaga tulus antara pihak-pihak bebas. Dana ini mungkin mempunyai urusan janji dengan pihak-pihak yang berkaitan dengan Pengurus. Pihak berkaitan yang dimaksudkan ialah AmlIslamic Funds Management Sdn Bhd (“**AIFM**”), AmlInvestment Bank Berhad, AmlInvestment Group Berhad, AmBank (M) Berhad dan AmBank Islamic Berhad.

##### **13.1.2 Pemegang Amanah**

Sebarang urusan niaga pihak ketiga hendaklah dibuat mengikut terma-terma terbaik yang boleh didapati oleh Dana ini dan yang tidak kurang menguntungkan kepada Dana ini daripada urusan niaga tulus antara pihak-pihak bebas.

Tertakluk kepada yang di atas dan mana-mana peraturan tempatan, Pemegang Amanah dan/atau kumpulan syarikat berkaitannya boleh berurusan antara satu sama lain, dengan Dana ini atau mana-mana Pemegang Unit atau mengikat apa-apa kontrak atau melakukan urusan niaga antara satu sama lain, dengan Dana ini atau mana-mana Pemegang Unit atau menyimpan untuk faedahnya sendiri apa-apa keuntungan atau manfaat yang diperoleh daripada mana-mana kontrak atau urusan niaga tersebut atau bertindak dalam kapasiti yang sama atau serupa berkaitan dengan mana-mana skim lain.

#### **13.2 Konflik Kepentingan**

Pada 27 Mei 2019, selain yang dinyatakan dalam Bahagian 12.1 and 12.6, Pengurus tidak mengetahui tentang apa-apa keadaan yang wujud atau kemungkinan wujud yang boleh menimbulkan situasi konflik kepentingan dalam kapasitinya sebagai Pengurus Dana ini.

#### **13.3 Dasar Menangani Situasi Konflik Kepentingan**

##### **13.3.1 Pengurus**

Pekerja dibenarkan berdagang dalam sekuriti asalkan dasar dan prosedur berkaitan dengan urusan niaga akaun peribadi dipatuhi. Para pengarah, ahli jawatankuasa pelaburan dan pekerja dikehendaki mendedahkan pemegangan portfolio dan transaksi urusan niaga mereka seperti yang dikehendaki di bawah Dasar Konflik Kepentingan. Selanjutnya, mereka yang tersebut di atas hendaklah membuat pendedahan tentang pemegangan jawatan pengarah dan kepentingan mereka dalam mana-mana syarikat.

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 7 JUN 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN BERTARIKH 6 JULAI 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 DISEMBER 2014, PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA BERTARIKH 1 APRIL 2015 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BERTARIKH 10 SEPTEMBER 2015**

### **13.3.2 Pemegang Amanah**

Pemegang Amanah telah menetapkan dasar dan prosedur bagi menangani konflik kepentingan, jika ada. Pemegang Amanah tidak akan menyalahgunakan kedudukannya sebagai pemilik aset Dana ini bagi mendapatkan, secara langsung atau tidak langsung, sebarang kelebihan atau menyebabkan kepentingan Pemegang Unit terjejas. Sebarang urusan niaga pihak ketiga hendaklah dibuat mengikut terma-terma terbaik yang boleh didapati oleh Dana ini dan yang tidak kurang menguntungkan kepada Dana ini daripada urusan niaga tulus antara pihak-pihak bebas.

Tertakluk kepada yang di atas dan mana-mana peraturan tempatan, Pemegang Amanah dan/atau kumpulan syarikat berkaitannya boleh berurusan antara satu sama lain, dengan Dana ini atau mana-mana Pemegang Unit atau mengikat apa-apa kontrak atau melakukan urusan niaga antara satu sama lain, dengan Dana ini atau mana-mana Pemegang Unit atau menyimpan untuk faedahnya sendiri apa-apa keuntungan atau manfaat yang diperolehi daripada mana-mana kontrak atau urusan niaga tersebut atau bertindak dalam kapasiti yang sama atau serupa berkaitan dengan mana-mana skim lain.

### **13.4 Butir-butir Kepentingan Langsung dan Tidak Langsung Para Pengarah Pengurus dalam Perbadanan Lain yang Menjalankan Perniagaan yang Sama**

Para pengarah AFM mungkin mempunyai kepentingan langsung atau tidak langsung melalui jawatan pengarah yang mereka pegang dalam AIFM. Berikut adalah butir-butir pengarah:

- Sum Leng Kuang adalah pengarah bebas AIFM.
- Tai Terk Lin adalah pengarah bebas AIFM.
- Seohan Soo adalah pengarah bukan bebas AIFM.
- Goh Wee Peng adalah pengarah bukan bebas AIFM.

### **13.5 Butir-butir Kepentingan Langsung dan Tidak Langsung Pemegang Saham Terbesar Pengurus dalam Perbadanan Lain yang Menjalankan Perniagaan yang Sama**

Selain yang dinyatakan di bawah, pada 27 Mei 2019, pemegang saham terbesar Pengurus tidak mempunyai apa-apa kepentingan langsung atau tidak langsung dalam perbadanan lain yang menjalankan perniagaan yang sama.

### **13.6 Pengisytiharan Konflik Kepentingan**

Pada 27 Mei 2019, selain yang dinyatakan dalam Bahagian 10.10, Bahagian 12.1 dan Bahagian 12.3, tiada penasihat (iaitu Pemegang Amanah, penasihat cukai, juruaudit dan peguam) mempunyai sebarang konflik kepentingan yang sedia ada atau potensi dalam kapasiti nasihat dengan Dana dan/atau kami.”

## **N. BAHAGIAN 15 – MAKLUMAT TAMBAHAN**

### **Muka surat 81 Prospektus**

#### **Section 15.3 Dokumen yang disediakan untuk Pemeriksaan**

Bahagian ini adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhannya dan digantikan dengan yang berikut:

“Salinan dokumen berikut boleh diperiksa di pejabat utama Pengurus dan/atau Pemegang Amanah pada waktu perniagaan biasa:-

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 7 JUN 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN BERTARIKH 6 JULAI 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 DISEMBER 2014, PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA BERTARIKH 1 APRIL 2015 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BERTARIKH 10 SEPTEMBER 2015**

- (a) Surat Ikatan atau surat ikatan tambahan (jika ada);
- (b) Laporan Dana Tahunan yang terkini ;
- (c) Perjanjian material yang disebut dalam Bahagian 14.1 Prospektus;
- (d) Surat penasihat cukai yang disebut dalam Bahagian 13 Prospektus;
- (e) Surat persetujuan yang disebut dalam Bahagian 14.2 Prospektus;
- (f) Prospektus and the prospektus tambahan; and
- (g) Penyata kewangan Pengurus dan Dana yang telah diaudit untuk tiga (3) tahun kewangan terkini atau tempoh yang lebih pendek yang wujud dalam Dana, sebelum tarikh Prospektus ”

**O. BAHAGIAN 15 – MAKLUMAT TAMBAHAN**

**Muka surat 81 Prospektus**

Bahagian-bahagian baru berikut adalah dengan ini dimasukkan:

**“15.4 Saluran Khidmat Nasihat**

Semua pertanyaan, notis dan komunikasi kepada Pengurus hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar ke alamat berikut:

Tingkat 9 & 10, Bangunan AmBank Group  
No. 55, Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur

Tel. No.: 03 – 2032 2888  
Fax No.: 03 – 2031 5210  
E-mel: enquiries@aminvest.com

Maklumat laman web Dana boleh didapati di laman web Dana, [www.fbmkciETF.com.my](http://www.fbmkciETF.com.my).

**15.5 Perdagangan Silang**

Pengurus boleh menjalankan perdagangan silang antara dana dan mandat swasta yang diuruskan oleh Pengurus asalkan kriteria yang dikenakan oleh pengawal selia telah dipenuhi.

Walaupun bagaimanapun, perdagangan silang antara akaun peribadi seorang pekerja Pengurus dan akaun Dana dan antara akaun dagangan proprietari Pengurus dan akaun Tabung adalah dilarang sama sekali. Pelaksanaan perdagangan silang akan dilaporkan kepada jawatankuasa pelaburan dan dinyatakan dalam laporan Dana tersebut.”

**P. BAHAGIAN 16 - PENGIKHTISHARAN PENGARAH**

**Muka surat 82 Prospektus**

Maklumat yang berkaitan dengan pengisytiharan pengarah adalah dengan ini dipadamkan secara keseluruhannya.

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN KELIMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN  
PROSPEKTUS BERTARIKH 7 JUN 2009, PROSPEKTUS TAMBAHAN BERTARIKH 6 JULAI 2009,  
PROSPEKTUS TAMBAHAN KEDUA BERTARIKH 1 DISEMBER 2014, PROSPEKTUS TAMBAHAN KETIGA  
BERTARIKH 1 APRIL 2015 DAN PROSPEKTUS TAMBAHAN KEEMPAT BERTARIKH 10 SEPTEMBER  
2015**

**THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT BLANK**